



JURUTERA antara kerjaya yang ditawarkan dalam bidang perkapalan.

BERJAUHAN daripada keluarga tidak menjadi halangan kepada sesetengah individu yang mementingkan bidang perkapalan.

Oleh NIZHA PERIASWAMY  
nizha.periaswamy@kosmo.com.my

PENUNTUT diploma dalam bidang elektrik dan elektronik, Mohd. Nazrul Fahmi Mohd. Nasin, 25, antara calon yang menunggu giliran untuk ditemuduga oleh syarikat perkapalan swasta di Wisma Pelaut, Pelabuhan Klang, Klang, Selangor.

Berada di Wisma Pelaut sejak pukul 10 pagi, Mohd. Nazrul tidak menunggu lama kerana temuduga yang dijalankan agak pantas. Dia hanya perlu sekadar mengisi borang maklumat diri, menghantar resume dan menduduki sesi temuduga.

"Kerja di laut dapat menjamin masa depan kerana gajinya sangat lumayan," kata Mohd. Nazrul sambil menjelaskan sebab dia menyertai temuduga terbuka itu.

# Pendapatan lumayan tarikan kerja di laut

*kosmo 5/7/2011 MS 30.*

Seorang nahkoda atau ketua jurutera dalam kapal boleh menjana pendapatan purata di antara RM20,000 hingga RM30,000 sebulan tertakluk kepada sesebuah syarikat perkapalan. Namun berapa ramaikan yang sanggup mengharungi cabarannya?

Temuduga itu diadakan sempena sambutan Hari Pelaut yang julung-julung kalinya disambut di Malaysia sekali gus menarik anak-anak muda untuk menyertai bidang perkapalan ini.

“Rakan-rakan dan ahli keluarga menggalakkan saya menyertai pasukan pelaut. Ibu pun setuju walaupun terpaksa berpisah. Sebagai anak sulung, saya bertanggungjawab terhadap keluarga, jadi saya tidak kisah berlayar lama.

“Saya teruja untuk bekerja dalam bidang perkapalan. Mudah-mudahan permohonan saya diterima,” tambahnya yang disaran untuk memohon jawatan juruelektrik oleh pihak penemuduga. “Awalnya saya mahu menjadi *oiler* tetapi mereka sarankan yang ini. Saya terima sahaja asalkan boleh dapat kerja,” kata Nazrul anak yatim dari Rawang yang mempunyai dua orang adik.

**KERJAYA dalam bidang perkapalan memerlukan banyak pengorbanan tetapi ia berbaloi kerana pendapatannya lumayan.**



Seorang nahkoda atau ketua jurutera dalam kapal boleh menjana pendapatan purata di antara RM20,000 hingga RM30,00 sebulan tertakluk kepada sebuah syarikat perkapalan. Malah bagi mereka yang baru menyertai pasukan perkapalan misalnya sebagai seorang pegawai, mereka akan dibayar gaji tidak kurang daripada RM5,000.

Selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mereka perlu menghadiri kursus selama empat tahun. Pada usia 21 tahun ketika ramai yang bergelut untuk mendapatkan tempat di universiti, mereka yang menyertai industri perkapalan ini sudah pun mempunyai

pendapatan yang hebat.

Di Malaysia, berlaku kekurangan pelaut pada kadar 50 peratus yang kini diisi oleh pekerja warga asing. Saban hari, kemasukan kapal ke Malaysia kian bertambah dan pelaut pula semakin diperlukan di Malaysia.


Buat masa kini Malaysia hanya membekalkan 20,000 orang pelaut dan selebihnya dimonopoli warga asing. “Selain pendapatan lumayan dan banyak faedah, kebanyakan mereka tidak menyedari pekerjaan ini juga dapat dikecualikan daripada cukai,” kata Ketua Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Pelaut, Jabatan Laut Malaysia, ▶▶



**DARI kiri : Helme, Hafizi dan Iqbal yang mendapat biasiswa untuk melanjutkan pengajian dalam bidang perkapalan.**



MOHD. NAZRUL



SEORANG pemohon ditemuramah oleh wakil syarikat perkapalan pada sambutan Hari Pelaut.



JAYARAJ



SUKHBIR

◀ Kapten Sukhbir Singh, 49.

Meskipun tidak mempunyai sebarang pengalaman atau pengetahuan mengenai kerjaya di laut, namun berbekalkan pengalaman bekerja di bengkel mekanik, Jayaraj Vellayutham, 19, tidak kisah berpisah dengan keluarganya.

Bahkan bapanya sangat menyokong usahanya itu. Sementara itu, pada hari tersebut, 20 orang terpilih menerima biasiswa sebanyak RM20,000 seorang daripada Jabatan Laut Malaysia.

Mereka yang terpilih adalah individu yang berpengalaman bekerja dalam bidang perkapalan. Pada masa yang sama, mereka juga berminat untuk melanjutkan pengajian dalam bidang tersebut.

Salah seorang penerima biasiswa tersebut, Muhd. Iqbal Muhd. Kutty, 36, sedikit pun tidak merasakan pekerjaan tersebut sesuatu yang sukar.

“Saya mahu melanjutkan pelajaran yang memerlukan kos pengajian RM12,000. Jadi saya bersyukur apabila menerima biasiswa ini sempena sambutan Hari Pelaut,” ujar

Muhd. Iqbal.

Dua lagi rakannya, antara 20 orang yang menerima biasiswa melanjutkan pelajaran dalam bidang perkapalan, Helme Rusdey Che Ali, 34 dan Mohd. Hafizi Musripan, 27, menganggap kerjaya di laut yang kini dikongsi warga asing harus dikuasai oleh warga tempatan kerana bayaran gaji tinggi.

“Walaupun tempoh berjauhan daripada keluarga agak panjang selama beberapa bulan, namun cutinya berbaloi bergantung kepada tempoh seseorang bertugas. Jadi, saya tidak merasakan kerja ini sebagai satu beban,” kata Mohd. Hafizi dari Tanjung Karang, Selangor yang mahu melanjutkan pengajian kejuruteraan.

Bagi Helme dari Ipoh, Perak cabaran sebagai seorang yang bekerja dalam bidang perkapalan bukan sekadar meninggalkan keluarga, bahkan pelbagai ketika di samudera.

Antaranya cuaca tidak menentu, ombak kuat, angin kuat dan sebagainya. Tetapi itu semua satu cabaran yang menjadikan mereka lebih kuat dan kental.

## info

### Pekerjaan dalam kapal

Pekerjaan di kapal terbahagi kepada tiga bahagian utama:

#### Dek

Pegawai dan kelasi dek: bertanggungjawab mengemudi kapal. Mereka juga bertugas untuk menguruskan komunikasi radio, pengurusan operasi kargo, dan memastikan keadaan dek kapal dan peralatannya dalam keadaan baik.

#### Enjin

Enjin kapal membekalkan kuasa yang cukup untuk menggerakkan kapal. Tugas jurutera ialah memastikan enjin dan mesin-mesin di kapal dapat beroperasi.


#### Sajian

Tugas kelasi sajian ialah menyediakan makanan untuk anak kapal. Ada kelasi sajian yang bertugas untuk hal pentadbiran dan kebajikan anak-anak kapal.

### Perkembangan Karier

- Pegawai Dek (12 bulan belayar)
- Ketua Pegawai Dek (24 bulan belayar)
- Kapten Kapal / Jurutera (12 bulan belayar)
- Jurutera Kedua (24 bulan belayar)
- Ketua Jurutera / Pramugara / Pembantu dapur (cukup pengalaman)
- Tukang Masak / Ketua Tukang Masak (cukup pengalaman)

KOSMO 5/7/2011 31.



PELBAGAI pihak mengambil kesempatan membuka gerai masing-masing untuk memeriahkan sambutan Hari Pelaut.

“Bagi mereka yang baharu menyertai pasukan perkapalan misalnya sebagai seorang pegawai, mereka akan dibayar gaji tidak kurang daripada RM5,000”

# Menghargai sumbangan dan jasa pelaut

SEBAGAI menghargai sumbangan dan jasa pelaut-pelaut yang berjumlah seramai 1.5 juta pelaut antarabangsa, Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) mengisytiharkan 25 Jun setiap tahun adalah Hari Pelaut.

Negara-negara ahli IMO bersetuju bahawa sumbangan pelaut di seluruh dunia kepada perdagangan antarabangsa melalui jalan air dan sumbangan kepada ekonomi dan masya-

rakat dunia harus dihargai dengan menetapkan satu hari sebagai Hari Pelaut setiap tahun.

“Perdagangan Antarabangsa yang melibatkan 90 peratus daripadanya adalah melalui pengangkutan air menyumbang RM1.2 trilion.

“Kami mahu orang awam memahami kerjaya di laut di samping mengajak orang ramai menyertai pasukan tersebut,” kata Timbalan Ketua Pengarah

Laut Malaysia, Baharin Datuk Abdul Hamid pada majlis perasmian Hari Pelaut yang dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Long See Wool.

Pada hari yang sama, Kementerian Pengangkutan telah menjalin kerjasama dengan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia untuk mewujudkan pusat se-henti pelaut (*seafarers drop-in-center*). Pusat tersebut berfungsi memberi ke-

mudahan asas seperti penjualan kad prabayar, capaian internet dan sebagainya kepada semua pelaut yang singgah di pelabuhan Malaysia tanpa perlu keluar dari pelabuhan.

Sehingga kini, tiga pelabuhan iaitu Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Johor Port Berhad telah mewujudkan pusat tersebut dan bakal ditambah di pelabuhan lain secara berperingkat-peringkat.